

Rusuhan Urumqi: Manifestasi Tuntutan Hak Persamaan dan Ekonomi Penduduk Uighur, Xinjiang, China

*The Urumqi Unrests: A Manifestation of
Equal Rights and Economic Demands of the
Uighur Population, Xinjiang, China*

Suffian Mansor

Abstrak

Kertas ini mengkaji pertempuran antara penduduk Uighur dan Han di Xianjian, China dalam bulan Julai, 2009. Kerajaan China dengan segera menghentikan pertempuran ini tetapi apabila media Barat menonjolkan bahawa kejadian ini adalah disebabkan perkauman, isu ini menjadi berpanjangan. Walaupun kerajaan China mengkategorikan pertempuran ini sebagai gelodak biasa, namun ia menyalahkan kumpulan pemisah Uighur sebagai punca utama konflik ini disebabkan tujuan utama kumpulan ini ialah untuk mendapat otonomi daripada China. Adalah dipercayai bahawa ketegangan antara penduduk Uighur dan Han di Xinjiang disebabkan penekanan berdasarkan ras yang telah lama berlangsung. Penduduk Uighur tempatan diketepikan dari segi ekonomi, tetapi penduduk Han diberi keistimewaan untuk menguasai ekonomi Xinjian. Penulis berpendapat ulasan rasmi kerajaan bertujuan mengalihkan tumpuan utama pertempuran-pertempuran ini: iaitu penduduk Uighur di Xinjiang tidak diberi peluang secukupnya untuk maju dalam bidang ekonomi sementara kebanyakan penduduk pendatang Han diberi sokongan penuh kerajaan pusat. Adalah benar yang gerakan pemisah pmenyumbang kepada berlakunya ketegangan Julai 2009, tetapi apa yang lebih penting ialah mencari sebab sebenar mengapa pertempuran tersebut berlaku dan adalah menjadi tujuan artikel ini untuk mengeksplorasi sebab-sebab berlakunya pertempuran tersebut.

Kata kunci Urumqi, Uighur, Han, Xinjiang, pertempuran

Abstract

This paper analyzes the clashes between the Uighur and Han people in Xinjian, China in July 2009. The Chinese government promptly put a stop to these clashes but when western media projected these incidences as racially motivated, the issue prolonged. Even though the Chinese government categorized the clashes as normal 'rupture',

it blamed Uighur separatist group as the main cause of this conflict because of the separatists' aim to gain autonomy from China. It is believed that the tension between the Uighur and Han peoples in Xinjiang was due a long history of racial suppression. The local Uighurs were sidelined economically but the Hans were given privileges to control the economy of Xinjiang. This author is of the view that the official explanation is seen as trying to shift the main focal point of the clashes: that the Uighur peoples in Xinjiang were not given enough opportunity to prosper economically while the majority of immigrant Han people in Xinjiang were given full support of the Central Government. It is true that the separatist movement contributed to the tension on July 2009 but what is more important is to find genuine reasons as to why the clashes took place and it is the intention of this article to explore possible causes of the clash.

Keywords Urumqi, Uighur, Han, Xinjiang, clashes

PENGENALAN

Pada awal Julai 2009 China berhadapan dengan rusuhan kaum yang meletus di barat negara tersebut iaitu di Urumqi, Xinjiang. Kaum terbesar di daerah tersebut iaitu Uighur asalnya mengadakan demonstrasi aman tetapi bertukar menjadi huru-hara apabila mereka menyerang kedai-kedai, merosakkan harta benda dan membakar kenderaan milik orang Han di Urumqi. Pihak berkuasa China terpaksa menenangkan keadaan tetapi api kemarahan penduduk di Xinjiang masih lagi belum reda. Ini kerana beberapa hari selepas itu orang Han pula bangkit mengadakan demonstrasi. Mereka mengadakan ceramah-ceramah yang berbau ancaman dan perkauman. Demonstrasi penduduk Han ini umpama membalas dendam atas demonstrasi orang Uighur. Penduduk Han yang menyertai demonstrasi tersebut membawa senjata berupa parang pemotong daging, kayu panjang dan batang paip. Kali ini kedai-kedai milik orang Uighur pula menjadi sasaran. Keadaan ini diteruskan dengan dengan aksi kedua-dua kaum ini membalas batu antara satu sama lain (The Star, 2009a). Pihak berkuasa China menghantar seramai kira-kira 20,000 orang tentera ke Urumqi untuk mengawal keadaan.

Walaupun keadaan kembali terkawal namun rasa takut dan bimbang akan keselamatan diri penduduk tempatan di Urumqi tetap ada. Penduduk Uighur dan Han tidak berani keluar dari rumah kerana takut nyawa mereka diancam. Bagi yang terdesak dan mahu meneruskan kehidupan mereka terpaksa membawa senjata berupa kayu panjang untuk menjaga keselamatan. Sementara itu ketegangan kaum di Urumqi masih lagi ada kerana penduduk masih lagi mempunyai dendam akibat tindakan pembunuhan dan pencederaan antara satu sama lain. Serangan terbaru yang dikenali sebagai serangan jarum pada September 2009 menunjukkan masih ada lagi rasa marah antara mereka (Sunday Star, 2009a). Oleh kerana itu penduduk Urumqi memohon pihak kerajaan meningkatkan lagi kawalan keselamatan di Urumqi (The Star, 2009c).

Ini merupakan suasana yang berlaku di Urumqi pada hari ini. Keadaan takut dan bimbang menyelubungi penduduk di bandar tersebut. Manakala seramai kira-kira 150 orang telah terkorban dan kira-kira 1,000 pula tercedera sejak pergaduhan itu bermula. Khabar angin pula tersebar dengan adanya tuduhan mengatakan bahawa orang Uighur

membubuh racun dalam bekalan air di Urumqi. Presiden China, Hu Jintao pula terpaksa bergegas kembali ke China walaupun Sidang G8 sedang berlangsung di Itali. Mengapakah perkara ini berlaku? Adakah kerana berita pergaduhan kaum antara Han dan Uighur di selatan China menyebabkan meletusnya rusuhan di Urumqi? Ini kerana kebanyakan surat khabar dan sumber internet cuba mengaitkan insiden yang berlaku di selatan China itu dengan rusuhan di Urumqi. Dua orang pekerja Uighur dikatakan terbunuh dalam pergaduhan dengan orang Han di sebuah kilang Shaoguan. Dengan itu juga demonstrasi telah bermula dengan tuntutan agar pihak berkuasa China mengadakan penyiasatan atas pergaduhan di Kilang Permainan Kanak-kanak itu pada 25 Jun 2009 (The Star, 2009d). Apakah isu ini menyebabkan mereka resah dan bimbang serta marah terhadap kerajaan China?

Jikalau diteliti dari segi sejarahnya, demonstrasi dan kekacauan yang berlaku hari ini bukannya yang pertama. Malah orang Uighur dan kaum-kaum asal di Xinjiang sendiri pernah mengadakan bukan setakat kekacauan tetapi revolusi dan peperangan terhadap kerajaan China. Oleh itu isu Xinjiang bukannya baru. Ia telah berakar umbi sebelum kewujudan kerajaan komunis di China lagi. Penelitian ini boleh dilihat semenjak kewujudan Dinasti Han (206 SM – 220 M) dan Dinasti T'ang (618M – 907M) lagi di China. Oleh itu sejarah boleh mencari dan mendedahkan akar umbi permasalahan ini. Dengan itu juga kita harus melihat perjalanan sejarah di Xinjiang yang membentuk suasana Xinjiang hari ini.

Hubungan

Mengikut sejarah, sebelum nama Xinjiang diperkenalkan, wilayah ini dikenali dengan pelbagai nama seperti Xi Yu, Hui Jiang, Zhun Bu, Uighuristan, Zungaria dan Turkistan Timur (Anwar, 2005). Wilayah ini mempunyai keistimewaan kepada China. Ini kerana Xinjiang sejak dulu lagi telah mempunyai hubungan dengan kerajaan China. Jalan Sutera yang terletak di dada wilayah tersebut memainkan peranan penting dalam pembangunan perdagangan, lawatan, diplomasi dan kemasyarakatan serta pertukaran budaya antara China dan negara luar. Xinjiang seolah-olah menjadi satu tapak penting dalam pembangunan dan pengukuhan tamadun China. Namun demikian Xinjiang juga sering menjadi tempat pertempuran antara penduduk yang kenali oleh orang China sebagai penduduk tidak bertamadun (orang kasar) iaitu Xiongnu dengan kerajaan China. Walau bagaimanapun orang nomad Xiongnu ini bukan penduduk asal di Xinjiang. Mereka adalah penduduk dari Mongolia dan sering berpindah randah ke wilayah di luar Mongolia. Namun demikian setelah beberapa ekspedisi tentera dijalankan ke atas penduduk Xiongnu ini maka pada tahun 74 Xinjiang berjaya ditawan oleh tentera Han dan dijadikan kawasan lindungan (*protectorate*) China (Morton, 1995). Namun demikian Xinjiang yang terletak jauh daripada pegangan China sering menjadi kawasan idaman kaum-kaum lain yang mula datang ke kawasan tersebut. Orang Turki misalnya yang mula bergerak ke timur telah berjaya mendirikan kerajaan dan kuasa mereka di sana. Selepas itu China dicabar pula oleh orang Tibet dan kemunculan empayar Uighur.

Empayar Uighur sebuah kerajaan yang kuat dan pernah mengalahkan Dinasti T'ang pada tahun 751 M di Talas. Sejak itu sejarah orang Uighur ini bermula tetapi ia juga mula bersahabat dengan Dinasti T'ang. Ini kerana apabila Pemberontakan

An-Lushan meletus pada tahun 755 M, maharaja T'ang meminta bantuan daripada tentera Uighur untuk menghapuskan pemberontakan tersebut. Pemberontakan An-Lushan diketuai oleh General An-Lushan yang berasal daripada puak orang kasar. Beliau telah dijadikan anak didik gundik Maharaja Hsuan-tsung iaitu Yang Kuei-fei. Menerusi naungan gundik ini beliau mula mendapat kuasa dan pengaruh. Dari situ beliau telah mengancam kedudukan Maharaja Hsuan-tsung sehingga membawa kepada pemberontakan terhadap kerajaan Dinasti T'ang. Maharaja Hsuan-tsung terpaksa melarikan diri ke Sichuan (Xu, 1993; Pulleyblank, 1955).

Tentera Uighur dan Arab bersetuju membantu Dinasti T'ang, dan pada tahun 761 M pemberontakan itu berjaya ditamatkan (Fairbank, Reischauer & Craig, 1970). Sejak itu hubungan kedua-dua kerajaan adalah baik. Namun demikian pada abad ke-9 empayar Uighur mula lemah dan seterusnya hancur akibat serangan orang Kyrgyz. Orang Uighur terus mendiami Xinjiang sehingga ditawan oleh orang Mongol pada tahun 1218 M. Penaklukan Mongol keatas orang Uighur ini tidak terlepas daripada penentangan penduduk Uighur. Pada tahun 1465 M, Mirza Abu-Bakr menawan bandar Yarkand, Kashgar dan Kotan. Beliau berjaya mendirikan kerajaan Uighur selama 48 tahun yang berpusat di Yarkand. Sultan Said Khan yang merupakan pemerintah Mongol yang dikenali sebagai Moghulistan telah menghantar anaknya iaitu Yunus Khan untuk menjatuhkan kerajaan Mirza dan akhirnya semua wilayah Mirza ditawan semula. Kerajaan Moghulistan ini berakhir apabila kerajaan Khoja dibentuk di Xinjiang pada abad ke-17.

Namun demikian akibat krisis dalaman Kerajaan Khoja ini telah menyebabkan Xinjiang ditawan oleh tentera Dinasti Ch'ing (1644-1911 M) yang berpusat di Beijing. Dinasti Ch'inglah yang telah menamakan wilayah ini sebagai Xinjiang. Pemerintahan Ch'ing ke atas Xinjiang tidak mendapat sokongan daripada penduduk tempatan khususnya bekas keluarga Khoja. Beberapa kebangkitan dilancarkan oleh bekas kerabat Khoja. Penentangan terhadap pemerintahan Ch'ing berlarutan sehingga abad ke-19. Akibat daripada masalah dalaman kerajaan Ch'ing pada abad ke-19, Mohamad Yakub Beg memimpin orang Uighur untuk menawan Xinjiang dan mengusir tentera Ch'ing. Beliau berjaya menawan Xinjiang daripada China pada tahun 1867 M. Pemerintahan beliau hanya berlangsung sehingga 1878 M apabila tentera Ch'ing di bawah Jeneral Tso Tsung-t'ang menawan Xinjiang. Penghapusan Beg tidak menamatkan kebangkitan penduduk Xinjiang. Konflik berdarah di Xinjiang ini berterusan sehingga abad ke-20.

Ini kerana selepas Revolusi 1911, Xinjiang boleh dikatakan bebas daripada kawalan kerajaan pusat. Walaupun wakil kerajaan China di Xinjiang menumpukan taat setia pada China namun wakil kerajaan China ini berkuasa penuh di Xinjiang. Sementara itu penduduk Islam di Xinjiang meneruskan usaha membebaskan Xinjiang daripada penguasaan China. Antara tokoh yang terlibat dalam gerakan pembebasan ini ialah Saiyid Haji. Namun demikian usaha beliau ini digagalkan oleh Wei-yuen iaitu wakil pemerintah China di Xinjiang (The British Library, 1912). Usaha pembebasan ini diteruskan lagi pada tahun 1931. Pada tahun itu umat Islam di Kumul pula bangkit melawan pemerintah China di Xinjiang tetapi dapat digagalkan (Forbes, 1986). Semangat untuk membebaskan Xinjiang ini berterusan dengan beberapa gerakan pembebasan dilakukan pada tahun 1933 dan 1944. Pada tahun 1933 usaha telah dibuat oleh Khoja Niyaz untuk membentuk Republik Turkestan Timur (Anwar, 2005 hal. 43).

Kerajaan Turkestan Timur ini tidak berkekalan apabila ditumpaskan pada tahun 1934. Manakala pada tahun 1944 pula Soviet Union memberi sokongan kepada gerakan penubuhan Republik Turkestan Timur kedua. Usia kerajaan ini agak panjang daripada kerajaan pertama. Hanya apabila pihak komunis berkuasa di China pada tahun 1949 barulah Republik Turkestan Timur itu ditamatkan. Sejak tahun 1949 sehingga sekarang Xinjiang menjadi wilayah China. Manakala pada tahun 1955 ia diberi autonomi oleh pihak kerajaan China.

Walau bagaimanapun penduduk Xinjiang terus menuntut haknya sama ada dalam usaha kemerdekaan wilayah tersebut atau dalam usaha memperbaiki taraf hidup mereka dalam negara China. Keadaan ini menyebabkan konflik berlaku antara mereka dan pihak berkuasa China berterusan. Antaranya pada tahun 1954 berlaku Kebangkitan Hotan di bawah pimpinan Abdul Imit. Namun demikian kebangkitan ini berjaya digagalkan oleh pihak kerajaan. Pada tahun 1962 pula ramai penduduk Uighur lari daripada tekanan ekonomi akibat kesan Gerakan Melompat Kehadapan (*Great Leap Forward*) 1958-1961 (Hinton, 1984). Pada masa yang sama kerajaan China melakukan usaha menyingkirkan pemimpin-pemimpin Uighur selepas rancangan tersebut. Usaha-usaha pihak berkuasa di Xinjiang menghalang keluarnya penduduk Uighur dari China menyebabkan berlakunya rusuhan di Ghuja. Rusuhan berdarah ini dikenali sebagai *Ili-Tarbagatay Incident* (Anwar, 2005, hal. 51). Selepas itu pada tahun 1968 orang Uighur menubuhkan Parti Rakyat Turkestan Timur. Pertubuhan bawah tanah ini juga berjaya digagalkan oleh pihak kerajaan apabila pihak berkuasa China menyerang ibu pejabat bawah tanah gerakan ini pada 1969 (Anwar, 2005, hal. 52). Pada tahun-tahun 1980-an berlaku pula demonstrasi pelajar dan pergaduhan kecil antara pemuda Uighur dan Han. Pergaduhan kecil pada April 1980 di Aksu bertukar menjadi kekacauan besar selama dua hari (Dreyer, 1986). Demonstrasi ini diikuti pula oleh *the Baren Township Riot* pada April 1990 yang meletus di Kashgar. Pada tahun 1997 pula, pada bulan Ramadan, pihak berkuasa China berusaha menangkap pihak yang disyaki terlibat dalam aktiviti pemisahan. Insiden ini dikenali sebagai *Ghuja/Yining Incident*. Sepuluh tahun selepas itu Biro Keselamatan Awam China menangkap beberapa orang pejuang pemisahan di Dataran Pamir kerana disyaki melakukan aktiviti latihan ketenteraan untuk melakukan pemisahan di Xinjiang. Usaha pemisahan di Xinjiang ini tidak pernah dapat dipadamkan seluruhnya. Kalau aktiviti besar mereka dipadamkan dengan mudah dan cepat, aktiviti bersifat individu dan kumpulan kecil lebih menyukarkan lagi pemerintah China menghapuskannya. Kumpulan pemisahan ini menunggu apa jua peluang yang ada untuk mencemarkan imej China di peringkat antarabangsa, dan menggoncang kestabilan dan keamanan China.

Apabila China cuba mengadakan persiapan Sukan Olimpik pada tahun 2008, pihak China amat bimbang akan kemungkinan Olimpik China akan tercemar dengan aktiviti keganasan golongan pemisah Xinjiang (dan Tibet). Ini kerana Sukan Olimpik sering menjadi medan bagi golongan berkepentingan politik untuk memaparkan perjuangan mereka di peringkat antarabangsa. Sukan Olimpik di Munich pada tahun 1972 misalnya pernah menyaksikan bagaimana sebelas ahli sukan Israel diculik. Sukan Olimpik di Atlanta pada tahun 1996 pula menyaksikan bom diletupkan *Centennial Olympic Park* menyebabkan 111 orang cedera dan dua orang pula terbunuh. Hal-hal seumpama inilah menjadi igauan pihak berkuasa di China. Mereka tidak mahu perkara serupa ini mencacatkan sejarah sukan tersebut di China. Oleh itu ramai pasukan

keselamatan dikerah untuk mengawal keselamatan sukan tersebut. Namun golongan pemisah Xinjiang tidak kenal takut dan terus menunjukkan mereka mahukan perhatian dunia. Contohnya empat hari sebelum sukan tersebut dirasmikan, sekumpulan anggota polis yang sedang bersenam pada pukul 8 pagi telah dirempuh oleh sebuah lori di Kashgar, Xinjiang. Akibat daripada kejadian itu 16 orang anggota polis telah terbunuh (Berita Harian, 2008; The Star, 2008a). Kejadian ini menurut agensi berita Xinhua ada kaitan dengan gerakan pemisah Xinjiang yang ingin menubuh kembali negara Turkestan Timur (Utusan Malaysia, 2008). Laporan daripada Xinhua ini menunjukkan bahawa masih adanya harapan penduduk Xinjiang untuk mengembalikan kemerdekaan mereka di bawah Republik Turkestan Timur. Selepas itu satu lagi insiden letupan bom dilakukan di Kuqa. Insiden ini membunuh seramai tujuh penyerang dan seorang pegawai keselamatan (The Star, 2008b).

Catatan ringkas sejarah ini memaparkan bahawa Xinjiang memang sebuah wilayah yang bergolak dari awal lagi. Penduduk Xinjiang tidak begitu gemar untuk tunduk kepada kuasa China. Oleh itu sebarang usaha untuk mengawal mereka akan ditentang. Usaha China pula gagal mententeramkan keadaan di Xinjiang. Walaupun China berjaya mengekalkan kawalan mereka ke atas Xinjiang, usaha ini sia-sia untuk mengekalkan kestabilan di wilayah tersebut. Ini kerana penduduk Xinjiang ini masih lagi tidak dilayan dengan baik oleh pemerintah China di Xinjiang. Hal ini ditunjukkan dari kebangkitan, rusuhan dan demonstrasi yang berlaku di Xinjiang di sepanjang sejarah hubungan China dan Xinjiang. Oleh kerana itu ketegangan ini akan berterusan sehingga kini seperti yang ditunjukkan dalam Rusuhan Urumqi pada tahun 2009.

Keresahan

Gambaran sejarah tadi menunjukkan Xinjiang adalah antara kawasan panas di China. Rusuhan pada Julai 2008 itu hanyalah satu siri kekacauan berlaku berabad-abad di Xinjiang. Dari soal menuntut kemerdekaan, penduduk Uighur hari ini menuntut persamaan hak dan kemakmuran bersama dengan penduduk Han. Jikalau ditinjau dengan lebih mendalam rusuhan pada Julai 2008 bukan sahaja soal menuntut keadilan kepada kematian penduduk Uighur di selatan China semata-mata. Isu lebih besar dari itu ialah isu integrasi nasional dan ekonomi yang mengancam keamanan di Urumqi itu. Isu ini bukan sahaja dimiliki oleh penduduk di Urumqi tetapi lebih besar lagi ialah Xinjiang itu. Penduduk Uighur berasa amat bimbang dengan wilayah mereka ini. Ini kerana dari segi ekonominya penduduk Uigur jauh ketinggalan daripada etnik Han. Kadar kemiskinan pula adalah tinggi. Manakala rancangan untuk membangunkan Xinjiang menerusi slogan *Go West* tidak memberi manfaat besar ke atas orang Uighur dan etnik-etnik lain (selain Han). Manakala etnik Han yang dihantar ke Xinjiang menerusi slogan *Go West* untuk menjadi perangsang ekonomi ke atas Xinjiang membawa rasa kurang senang penduduk tempatan. Jumlah mereka juga bertambah ramai. Dahulu majoriti penduduk Xinjiang adalah etnik Uighur. Tetapi hari ini jumlah mereka berkurangan dengan kebanjiran orang Han di Xinjiang yang menukar demografi penduduk di kawasan tersebut. Sejak penubuhan Republik Rakyat China, penduduk Han semakin bertambah di Xinjiang. Dari jumlah sekitar kurang setengah juta pada tahun 1953, ia telah melonjak kepada 7.1 juta pada tahun 2000 (Wilson & Toland, 2009). Setiap hari

beribu penduduk Han datang ke Urumqi dan mereka yang datang ini pula di bawah rancangan pembangunan kerajaan. Mereka akan diberi pekerjaan dan rumah kediaman. Dalam hal ini orang Uighur jarang sekali mendapat layanan seumpama ini.

Namun demikian kisah penghijrahan penduduk Han ini bukannya bermula dengan *Go West*. Ia telah bermula sejak pemerintahan kerajaan Kuomintang di China. Kerajaan Kuomintang ini telah membuka Xinjiang kepada penghijrahan penduduk China. Kebanyakan mereka ini dikenali sebagai *Xiafang*. Kumpulan *Xiafang* merupakan kumpulan anak muda China yang berpendidikan. Mereka ini ditempatkan di Xinjiang dalam usaha pembangunan industri di sana. Mereka juga diberi tanah dan kediaman untuk menetap di Xinjiang (Dreyer, 1986 hal. 723 dan 727). Pada zaman komunis bilangan *Xiafang* ditambah di Xinjiang sejajar dengan rancangan Revolusi Kebudayaan Proletariat Agung 1966-1976 (Schoenhals, 1996; MacFarquhar & Schoenhals, 2006). Revolusi Kebudayaan Proletariat Agung adalah satu rancangan untuk membersihkan elemen-elemen kapitalis dan budaya yang tidak secocok dengan perkembangan negara komunis. Golongan pelajar yang dikenali sebagai Pengawal Merah menjadi pengerak kepada revolusi ini. Mao Tse-tung, Jiang Ching dan Lin Biao merupakan pemimpin utama dalam gerakan ini. Namun demikian usaha penghijrahan ini dikendurkan sedikit pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an. Selepas itu usaha ini diteruskan dengan tema untuk memajukan sebelah barat China pada tahun-tahun 1990-an.

Pada hari ini kira-kira 40 peratus penduduk Xinjiang adalah etnik Han. Manakala selebihnya penduduk Uighur, Kazakh, Hui, Kirghiz, Mongol, Dongxiang, Pamiris, Xibe, Manchu, Tujia, Uzbek dan lain-lain lagi. Tambah menakutkan lagi bagi orang Uighur ialah jumlah penduduk Han melebihi Uighur di Urumqi. Keadaan ini membimbangkan majoriti penduduk Uighur yang berpendapat program pembangunan ekonomi China di Xinjiang ini tidak memberi manfaat kepada mereka. Malah mereka menganggap slogan *Go West* hanya menguntungkan kelompok Han sahaja. Manakala penduduk Uighur pula terus terpinggir dan bimbang peluang ekonomi yang ada akan direbut oleh orang Han. Hal inilah yang menyebabkan mereka risau akan masa depan mereka. Mereka terpaksa bersaing dengan orang Han untuk mencari peluang pekerjaan yang sedia ada. Malahan mereka berasa tertindas kerana terdapat golongan cerdik pandai Uighur tidak mendapat layanan yang sama dalam peluang pekerjaan yang sedia ada. Tambah merisaukan mereka juga adalah majoriti mereka ini miskin dan tidak mampu membayar yuran sekolah bagi mendapat pendidikan. Hal ini sekali lagi menyebabkan mereka akan ketinggalan dalam wilayah mereka sendiri. Golongan muda yang biasa menerima impak daripada perkembangan ini amat marah akan kebanjiran orang Han. Oleh itu kes ketegangan kaum telah berlaku sejak tahun 1990-an lagi. Contohnya insiden di Yining (*Yining Incident*) pada bulan Februari 1997 menyaksikan pemuda Uighur menyerang dan membunuh orang Han (The Independent, 1997).

Keadaan seumpama inilah membawa masalah kepada keharmonian dan keamanan China. Penduduk Uighur tetap akan terus bangkit menuntut hak mereka. Walaupun hari ini kerajaan China dapat menyelesaikan rusuhan ini dengan cepat tetapi ia hanya menyelesaikan dalam jangka masa pendek. Dalam jangka masa panjang ia akan membawa implikasi yang berterusan. Ini kerana isu rusuhan yang berlaku pada Julai 2008 dilihat lebih kepada isu periuk nasi dan masa depan penduduk Uighur. Kemanakah penduduk Uighur dan etnik-etnik lain akan diletakkan dalam program

pembangunan Xinjiang? Adakah mereka akan terus menerus terpinggir. Apa yang ditakuti ialah Xinjiang akan menjadi Palestine Kedua. Dari segi ekonominya Xinjiang merupakan kawasan pertanian dan penternakan yang melibatkan hampir keseluruhan penduduk tempatan (Anwar, 2005, hal. 19). Contohnya 84 peratus orang Uighur melibatkan diri mereka dalam kedua-dua bidang tersebut (Gladney, 2004). Kawasan-kawasan pembangunan di Xinjiang ini banyak melibatkan tanah-tanah pertanian dan ternakan mereka. Oleh kerana Xinjiang kaya dengan bahan galian ia akan membuka Xinjiang kepada pelaburan yang menguntungkan (Christoffersen, 1993). Dengan kata lain secara beransur-ansur pembangunan ekonomi di Xinjiang pada masa depan akan lebih rancak. Perkembangan itu juga akan melibatkan pembukaan tanah untuk industri dan perlombongan terutamanya perlombongan dan carigali minyak. Hal inilah yang ditakuti oleh penduduk Uighur kerana mereka tidak tahu apakah kedudukan mereka dalam rancangan pembangunan ini. Setelah tanah mereka diambil dan digunakan adakah mereka menerima manfaat daripada pembangunan tersebut? Secara tidak langsung jikalau pembangunan tidak menguntungkan orang tempatan seperti Uighur maka muncul pelbagai tanggapan dan tuduhan liar seperti Beijing cuba memeras hasil bumi Xinjiang sahaja (Christoffersen, 1993, hal. 138).

Masalah Besar

Oleh itu hal ini juga perlu ditangani oleh China dengan baik kerana implikasi jangka panjangnya adalah besar. Ini kerana kuasa-kuasa asing yang cemburu akan kemajuan China akan menggunakan peluang ini untuk memporak-perandakan China. Seperti dijelaskan awal tadi penduduk Uighur di Xinjiang memang mempunyai niat untuk memerdekakan Xinjiang. Mereka pernah mempunyai kerajaan bebas dari China sebelum ini. Seperti dijelaskan sebelum ini terdapat beberapa kerajaan orang Uighur di Xinjiang yang pernah menjadikan Xinjiang sebagai kawasan pemerintahan mereka. Selepas Xinjiang ditakluk oleh China isu kemerdekaan terus menerus dilaungkan oleh penduduk Xinjiang. Pembentukan Republik Turkestan Timur pada tahun 1933 dan 1944 – 1949 merupakan bukti menunjukkan mereka mahukan kemerdekaan. Sejarah juga membuktikan pada abad ke-19, dan awal abad ke-20, China mengalami tekanan daripada kuasa-kuasa asing sehingga menyebabkan beberapa wilayahnya terpisah daripada China. China juga menderita akibat tekanan ini dan akhirnya menjadi lemah. Kesan pemberontakan Boxer 1900 hampir menjadikan China umpama Afrika apabila ada suara-suara dari kuasa Barat untuk memecahkan China kepada hak lingkungan jajahan asing-masing.

Rebiya Kadeer dilahirkan pada 21 Januari 1947 merupakan ahli perniagaan yang berusaha menuntut banyak autonomi bagi wilayah Xinjiang. Beliau ditangkap pada tahun 1999 kerana telah membocorkan rahsia kerajaan. Beliau dibebaskan pada tahun 2005 akibat tekanan daripada Amerika Syarikat. Kemudian Rebiya hidup dalam buangan di Virginia, Amerika Syarikat. Dari sana beliau telah berjuang untuk menuntut hak orang Uighur menerusi Persatuan Uighur Amerika Syarikat dan Kongres Uighur Sedunia. Kerajaan China menuduh Rebiya Kadeer sebagai dalang dalam mencetuskan rusuhan di Urumqi. Namun Rebiya menafikannya (The Star, 2008c). Walau bagaimanapun beliau memang mempunyai niat untuk menyatukan

penduduk Uighur menerusi Persatuan Uighur Amerika Syarikat dan Kongres Uighur Sedunia. Hal ini terus disuarakan oleh Gabenor Xinjiang, Nur Bexin yang menyatakan terdapat bukti keterlibatan Rebiya dalam rusuhan ini. Beliau menyatakan Rebiya telah membuat panggilan telefon untuk mengalakkan satu gerakan demonstrasi lebih besar dilakukan (The Star, 2008d). Sebelum itu timbulnya dakwaan wujudnya Parti Islam Turkestan yang cuba mengganggu keamanan sukan Olimpik. Ahli-ahli parti ini didakwa mendapat latihan ketenteraan daripada Al-Qaeda bagi melancarkan gerakan bersenjata di Xinjiang (The Star, 2008d). Namun kisah parti ini lenyap dan muncul pula Rebiya sebagai dalang keganasan. Hal-hal seumpama inilah yang boleh membawa masalah kepada China kerana kuasa asing akan menggunakan peluang ada ini untuk membawa masalah kepada China.

Sebalik daripada tuduhan China yang menyatakan Rebiya sebagai dalang dalam rusuhan ini ialah imej Rebiya semakin meningkat. Dari seorang yang tidak kenali oleh masyarakat dunia wajah dan peranan Rebiya mula dipaparkan didada akhbar dunia sebagai pejuang Uighur yang dianiya oleh pihak China. Beliau seolah-olah menjadi ikon perjuangan orang Uighur setanding dengan Dalai Lama yang menjadi pemimpin Tibet. Filem tentang beliau yang bertajuk *The 10 Conditions of Love* menjadi tayangan bagi Pesta Filem Antarabangsa Melbourne. Walaupun filem ini menimbulkan kemarahan China tetapi ia tetap ditayangkan di Australia pada pesta filem tersebut (Utusan Malaysia, 2009a). Begitu juga Pesta Filem Kaoshiung bersetuju menayangkan filem yang sama di Taiwan (The Star, 2009e). Dalam pada itu Rebiya sendiri semakin popular di peringkat antarabangsa. Beliau terus mengadakan lawatan ke beberapa buah negara walaupun mendapat bantahan daripada China. Lawatan beliau ke Jepun misalnya menimbulkan kekesalan pihak China terhadap kerajaan Jepun (utusan Malaysia, 2009b). Australia juga membenarkan Rebiya melawat negara itu. China membantah lawatan Rebiya ke Australia (Sunday Star, 2009b). Kumpulan kemerdekaan Taiwan dan anti-China pula menjemput Rebiya ke Taiwan pada penghujung tahun 2009 (The Borneo Post, 2009a). Namun demikian kerajaan Taiwan menghalang lawatan tersebut untuk menjaga hubungan Taiwan dan China yang semakin baik (The Borneo Post, 2009b). Lawatan beliau keluar negara ini membawa pula kenyataan menghentam pihak China yang cuba menghilangkan hak dan kedudukan orang Uighur di Xinjiang (Utusan Malaysia, 2009c).

Isu-isu seumpama ini menunjukkan bahawa kumpulan bukan kerajaan boleh menjadi alat oleh pihak tertentu untuk menekan China. Contohnya kumpulan Hak Asasi Manusia misalnya sering mengambil peluang kekacauan di China sebagai modal mereka untuk China menghormati hak rakyat China. Secara tidak langsung mereka menekan pemerintah komunis China untuk mengamalkan demokrasi secara total. Hal ini akan membawa masalah kepada kerajaan komunis China untuk mengelakkan propaganda luar yang akan menyebabkan China menjadi kucar-kacir. Satu lagi masalah yang akan timbul ialah kaum dan agama. Ini kerana penduduk Uighur juga pernah melaungkan hasrat meminta pertolongan daripada negara-negara yang mempunyai budaya dan agama yang sama dengan mereka. Presiden Uzbekistan pernah menyatakan bahawa orang Uighur ada meminta Uzbekistan untuk membantu mereka di Xinjiang (Becquelin, 2000). Begitu juga dengan umat Islam di dunia amat prihatin dengan nasib umat Islam di Xinjiang. Pelbagai pihak di negara-negara Islam seperti di Iran, Indonesia

dan Turki menyatakan kesedihan dan kekesalan akan tindakan pihak berkuasa China kepada saudara mereka di Xinjiang. Solat hajat dilakukan oleh umat Islam Indonesia untuk memelihara kesejahteraan saudara mereka di Xinjiang. Ada juga umat Islam pergi ke jalan-jalan raya bagi membantah tindakan pihak berkuasa di China. Manakala penduduk Uighur di luar negara juga menunjukkan simpati mereka terhadap masalah saudara mereka di Xinjiang dengan mengadakan demonstrasi membantah tindakan pihak berkuasa China di Xinjiang (Berita Harian, 2009a).

Walaupun setakat ini kebanyakan negara-negara Islam di dunia menunjukkan reaksi mendiam diri tetapi desakan penduduk Islamnya mungkin akan menyebabkan kesan penting dalam hubungan negara-negara Islam dan China. Pertubuhan bukan kerajaan Islam dan parti-parti politik tertentu misalnya menjadi suara penting dalam mendesak kerajaan Islam campurtangan dalam isu Xinjiang ini. Contohnya di Indonesia, Persatuan China Islam Indonesia (PCII) dan Parti Keadilan Sejahtera (PKS) misalnya kesal akan sikap membisu negara-negara Islam dan meminta negara-negara Islam membantu umat Islam di China yang mereka anggap tertindas oleh pihak berkuasa di China. PKS juga mendesak badan antarabangsa hak asasi manusia melakukan penyiasatan dalam konflik di Xinjiang (Utusan Malaysia, 2009b). Di Malaysia, Parti Islam Se Malaysia (PAS) mendesak Perdana Menteri untuk menjelaskan keadaan di Xinjiang dan menilai semula hubungan Malaysia-China (Nasharudin, 2009). Hanya dua kerajaan negara Islam iaitu Iran dan Turki sahaja menunjukkan reaksi prihatin terhadap umat Islam di Xinjiang. Lebih-lebih lagi bagi Turki yang mempunyai pertalian budaya dan bangsa dengan penduduk Uighur Xinjiang (Utusan Malaysia, 2009d). Perdana Menteri Turki, Tayyip Erdogan pernah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak berkuasa China harus bertindak keatas kejadian “kekejaman” (*genocide*) yang berlaku di Xinjiang (The Star, 2009f; Utusan Malaysia, 2009e). Manakala Menteri Luar Iran, Hossein Sheikholeslam meminta pihak China menghormati hak-hak orang Islam di Xinjiang (Utusan Malaysia, 2009f).

Akibat daripada konflik di Xinjiang bertiup pula khabar angin mengatakan bahawa penduduk China di luar negara akan diancam oleh orang Islam. Al-Qaeda dikatakan akan menyerang pekerja China di utara Afrika. Oleh itu pihak kedutaan China memberi amaran kepada rakyatnya untuk berhati-hati dari sebarang ancaman yang mungkin mereka hadapi kesan daripada konflik di Xinjiang. Manakala di Filipina pula pihak kedutaannya meminta pihak berkuasa Filipina untuk melindungi kedutaan China dan kepentingan China di Filipina. Keadaan ini berlaku kerana adanya berita bahawa serangan akan dibuat keatas Kedutaan China di Manila (The Star, 2009g).

Apakah penyelesaiannya harus dibuat? Kalau dikatakan kemerdekaan sebagai jawapannya, ia tidak akan diterima oleh China. Bagaimanapun isu autonomi? Mungkin jawapannya di situ tetapi Xinjiang memang diberi autonomi. Wilayah ini adalah wilayah istimewa bagi kumpulan Uighur. Oleh itu dimanakah salahnya? Jikalau diteliti sedalamnya apakah bentuk autonomi itu? Memang sudah adanya autonomi tetapi autonomi diberikan tidak jelas dan masih dikawal oleh kerajaan China. Mereka perlu mendapat persetujuan daripada kerajaan pusat sebelum melaksanakan apa-apa sahaja urusan wilayah. Hal ini dilihat oleh Uighur sebagai satu kekangan kepada mereka untuk bergerak lebih jauh. Malahan mereka juga tidak menaruh harapan yang tinggi terhadap Gabenor Xinjiang yang berbangsa Uighur untuk membela mereka. Ini kerana kuasa yang lebih besar berada di tangan Setiausaha Agung Parti Komunis China

wilayah iaitu. Manakala Gabenor Xinjiang menjadi naib setiausaha sahaja (Anwar, 2005, hal. 75). Siapa memegang jawatan itu? Ia dipegang oleh Wang Lequan seorang etnik Han. Oleh itu timbul rasa kurang senang orang Uighur sendiri akan autonomi seumpama ini. Dalam sejarah hanya sekali sahaja orang Uighur diamanahkan jawatan tersebut (Setiausaha Agong PKC wilayah) iaitu Saifudin pada tahun 1973 sehingga 1978 (Dreyer, 1986, hal. 727 dan 730). Sebelum menjawat jawatan tersebut beliau pernah menyuarakan perlunya integrasi dalam masyarakat Xinjiang dengan penduduk China keseluruhannya dalam Kongres Kelapan Parti Komunis China pada tahun 1956. Beliau sendiri mengutuk usaha pecinan penduduk tempatan, dan juga kebangkitan nasionalisme etnik tempatan (Club, 1958).

Satu perkara lagi yang harus diambil kira adalah sikap kerajaan China yang dibayangi ketakutan terhadap orang Uighur. Seperti dijelaskan tadi Uighur itu dianggap berbahaya dan mereka sering dipandang serong oleh pihak China. Krisis kepercayaan ini juga menyebabkan China tidak mahu meletakkan kekayaan yang ada di Xinjiang kepada orang Uighur. Mereka rela meletakkannya ditangan orang Han untuk menguasainya. Hal inilah yang juga membawa perasaan kurang senang orang Uighur. Malahan perasaan menganggap orang Uighur ini asing juga terdapat dalam kalangan penduduk Han sendiri. Pelbagai tuduhan dan kecaman dilabel ke atas mereka seolah-olah mereka itu penduduk kelas kedua.

Tambahan daripada itu krisis kepercayaan ini juga menyebabkan orang Uighur dikawal kerana takut mereka akan memberontak dan menyokong gerakan pemisahan. Krisis kepercayaan inilah yang menyebabkan China melakukan dasar menakutkan ke atas orang Uighur dengan tindakan menangkap, meletakkan polis dan tentera ramai di Xinjiang dan tindakan penderaan akan digunakan keatas masyarakat ini jikalau mereka disyaki terlibat dalam kegiatan pemisahan. Manakala komunikasi pula dihadkan dan dikawal bagi mengelak berlakunya penyebaran maklumat berbahaya. Satu kawalan penyaringan yang ketat dilakukan untuk menghalang sebarang penerbitan yang dianggap mampu membawa kesan buruk pada keamanan dan keselamatan Xinjiang (Becquelin, 2000, hal. 67). Kesan daripada polisi kerajaan China ini menimbulkan rasa curiga orang Han ke atas penduduk Xinjiang khususnya orang Uighur. Tambahan dunia hari ini menyaksikan banyak kegiatan orang Islam dipandang serong dan dikelaskan sebagai pengganas. Keadaan serupa juga dengan orang Uighur yang menganut agama Islam dikelaskan sebagai kelompok yang sama. Oleh itu dasar menakutkan dan membezakan ini harus dihapuskan oleh pihak China.

Penyelesaiannya yang boleh dilakukan hanyalah dengan memberi satu autonomi yang sebenarnya kepada penduduk Uighur. Dengan autonomi ini mereka boleh menentukan hala tuju wilayah mereka sendiri dan membangunkan wilayah ini seiringan dengan wilayah-wilayah China yang lain. Manakala pembangunan ekonomi yang adil harus juga dijalankan bagi membantu meningkatkan imej mereka daripada imej kemiskinan kepada imej rakyat China yang kaya. Pembangunan sosial juga harus ditekankan bagi meningkatkan taraf hidup penduduk Uighur dan etnik lain sebagai sebuah masyarakat yang seiringan dengan etnik Han. Manakala imej pengganas harus dibuang dan kepercayaan harus diberi kepada pemimpin Uighur untuk bersama-sama maju di negara China. Dengan adanya usaha-usaha seumpama ini diharap masalah integrasi nasional akan dapat diselesaikan bersama-sama dengan pembangunan ekonomi penduduk Uighur.

Oleh itu apabila kerajaan China mengaitkan peristiwa pergaduhan (rusuhan Julai 2009) ini dengan Rebiya atau gerakan pemisah ia ternyata meleset sekali kerana isu ini datang dari penduduk Uighur sendiri yang tidak puas hati akan dasar kerajaan ke atas mereka. Rusuhan pada Julai 2009 datang secara sendiri, tidak dirancang oleh mana-mana pihak kerana ia bukan soal kemerdekaan tetapi isu periuk nasi dan masa depan. Oleh itu kes yang berlaku di Shaoguan ini menjadi sumbu yang menyala api ketidakpuashatian orang Uighur yang menyerang orang Han. Secara keseluruhannya isu Xinjiang adalah berkaitan dengan isu-isu kepercayaan, keadilan, pembelaan dan masa depan. Selagi isu-isu ini tidak diselesaikan dengan baik masalah Xinjiang ini akan menjadi momokan kepada China sampai bila-bila.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, apa yang berlaku di Xinjiang merupakan masalah yang lama iaitu antara kemerdekaan atau mahu hak untuk terus hidup dalam tanahair sendiri. Dari dulu lagi hal ini disuarakan oleh pejuang kemerdekaan Uighur bagi menuntut hak kedaulatan mereka. Pihak kerajaan China cuba menyelesaikan hal ini dengan dua cara iaitu baik dan kekerasan. Autonomi yang diberikan oleh China kepada Xinjiang merupakan satu usaha menyenangkan hati penduduk tempatan tetapi ia dianggap tidak cukup. Orang Uighur meminta lebih lagi kuasa autonomi kerana autonomi yang diberikan oleh pihak China tidaklah bersifat menyeluruh. Mereka harus mengikut juga polisi kerajaan dalam semua bidang. Kelonggaran hanya boleh diminta oleh penduduk Uighur tetapi kelulusan bergantung kepada Beijing. Hal ini diburukkan lagi dengan masalah penghijrahan beramai-ramai orang Han. Penghijrahan ini membawa kepada konflik lebih mendalam. Ini kerana penduduk Uighur mula tersepit dalam membina masa depan mereka kerana banyak peluang ekonomi dan pekerjaan direbut oleh orang Han. Hal ini menyebabkan kemarahan penduduk tempatan sehingga mencetuskan beberapa rusuhan berdarah termasuklah pada Julai 2009. Walau bagaimanapun pihak China masih menafikan bahawa konflik yang berlaku kerana soal etnik tetapi lebih kepada soal tiga pihak iaitu pelampau, pemisah dan pengganas (Berita Harian, 2009b; Utusan Malaysia, 2009g; The Star, 2009h).

Memang ada kebenaran bahawa pelampau, pemisah dan pengganas merupakan elemen yang mampu mencetuskan huru-hara di Xinjiang tetapi apa yang lebih merisaukan lagi adalah soal masa depan penduduk ini. Mereka menghadapi masalah dalam mengejar pembangunan bersama-sama dengan penduduk Han. Oleh itu masa depan mereka mungkin akan lebih malap jikalau mereka tidak menunjukkan reaksi keresahan mereka ini. Tiga pihak tadi akan menjadikan gelombang keresahan itu kepada kemarahan dan kekecewaan seterusnya kekacauan. Penduduk Uighur sanggup menyokong apa-apa sahaja idea yang diusahakan oleh tiga pihak tadi jikalau status mereka masih lagi dianggap sebagai miskin dan terpinggir. Hal ini perlu diperhatikan oleh kerajaan China supaya tiga pihak yang ditakuti oleh kerajaan China boleh dikekang daripada menjadi masalah besar. China sendiri akan menghadapi kerugian jikalau elemen untuk memajukan semua rakyatnya hanya menjurus kepada satu-satu kaum sahaja. Oleh itu China harus menoleh sejarah untuk mencari ramuan untuk menghormati negara China yang terdiri daripada pelbagai etnik. Dinasti T'ang boleh

menjadi salah satu teladan kepada China untuk membangunkan China. Dinasti Tang yang didatangi oleh pelbagai kaum dari serata dunia mencerminkan bagaimana polisi yang harmoni telah dijalinakan dalam landasan pembangunan kemasyarakatan dan ekonomi di China.

China bukan setakat menghadapi isu Xinjiang sahaja. Sejarah menunjukkan bagaimana China berhadapan dengan pelbagai isu etnik yang mencabar keamanan di China. Isu Tibet masih lagi belum diselesaikan. Sebelum ini (2008) Tibet bergolak. Seolah-olah kedua-dua wilayah ini berganti-ganti dalam menyuarakan keresahan mereka dalam negara China (The Borneo Post, 2008). Mungkin China boleh mendabik dada dan mampu menyelesaikan masalah ini dengan cepat. Namun perlu diingat masalah yang seumpama ini boleh membawa impak yang besar (Suffian, 2002). Oleh itu China perlu meneliti perkembangan ini dengan lebih mendalam dan mengkaji dengan lebih bijak bagi mengelakkan campurtangan kuasa-kuasa asing yang lain. Dengan kata lain China harus meneliti isu Xinjiang dengan lebih teliti dan mendalam dengan melihat pelbagai sudut. Golongan tua Uighur mungkin tidak memberontak tetapi generasi muda Uighur hari ini akan menuntut hak bangsanya sebagai hak dirinya juga. China harus memelihara keharmonian etnik-etniknya supaya wilayah seperti Xinjiang tidak menjadi beban kepada China tetapi menjadi aset kebanggaan China.

RUJUKAN

- Anwar, Rahman (2005), *Sinicization Beyond the Great Wall: China's Xinjiang Uighur Autonomous Region*, Leicester: Matador. hal: 20-21 dan 26
- Beccuelin, N. (2000). Xinjiang in the Nineties. *The China Journal*, No.44, hal. 71
- Berita Harian, (2008, 5 Ogos). Kuala Lumpur: NSTP Berhad.
- Berita Harian, (2009a, 13 Julai). Kuala Lumpur: NSTP Berhad. hal. 35
- Berita Harian, (2009b, 22 Julai). Kuala Lumpur: NSTP Berhad. hal. 36
- Christoffersen, G. (1993). Xinjiang and the Great Islamic Circle: the Impact of Transnational Forces on the Chinese Regional Economic Planning?, *China Quarterly*, No.133, hal. 137
- Club, O.E. (1958). Economic Modernization in Sinkiang, *Far Eastern Survey*, Vol.27, No.2. hal. 18
- Dreyer, J. T. (1986). The Xinjiang Uighur Autonomous Region at Thirty: A Report Card, *Asian Survey*, Vol.26, No.7, hal. 738
- Fairbank, J.K.E., Reischauer, O. & Craig, A.M.(1970). *East Asia: Tradition & Transformation, Revised Edition*, Boston: Houghton Mifflin Company. hal. 120
- Forbes, A.D.W. (1986). *Warlords and Muslims in Chinese Central Asia*, Cambridge: Cambridge University Press, hal. 48-52
- Gladney, D.C.(2004). *Dislocating China: Muslims, Minorities and Other Subaltern Subjects*, London: Hurst & Company. hal. 220
- Hinton, W. (1984). *Shenfan: The Continuing Revolution in a Chinese Village*. New York: Vintage Books
- MacFarquhar, R. & Schoenhals, M. (2006). *Mao's Last Revolution*, arvard: Harvard University Press
- Morton, W. S. (1995). *China: Its History And Culture, Third Edition*, New York: McGraw-Hill, Inc. hal. 55-56
- Nasharudin M.I. (2009). Tekanan terhadap umat Islam di Xinjiang, PM mesti jelaskan. www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=21642&Itemid=90, 4 Oktober 2009

- Pulleyblank, E.G. (1955). *The Background of the Rebellion of An Lu-Shan*, London: Oxford University Press
- Schoenhals, M. (ed.) (1996). *China's Cultural Revolution, 1966-1969: Not a Dinner Party*, Armonk, N.Y.: M.E. Sharpe
- Suffian M. (2002). Cabaran China Sebagai Kuasa Besar Baru, *Pemikir*, Jan-Mac. hal. 59
- Sunday Star, (2009a, 6 September). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W37
- Sunday Star, (2009b, 2 August). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W33.
- The Borneo Post, (2008, 23 March). hal. A1
- The Borneo Post, (2009a, 25 September). hal. A2
- The Borneo Post, (2009b, 26 September). hal. A1
- The British Library (1912). *Translation of report, dated 28th June 1912, from the Indian Aksakal at Khotan*. L/PS/10/241, hal. 70
- The Independent, (1997, 5 March). hal. 15
- The Star, (2008a, 5 August). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W47
- The Star, (2008b, 11 August). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W36
- The Star, (2008c, 8 July). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W33
- The Star, (2008d, 9 August). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W37
- The Star (2009a, 8 July). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W33
- The Star, (2009b, 6 September). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W37
- The Star (2009c, 7 September). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W34
- The Star (2009d, 6 July). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W33
- The Star (2009e, 6 September). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W37
- The Star (2009f, 15 Julai). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W44
- The Star (2009g, 16 Julai). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W37
- The Star (2009h, 22 Julai). Kuala Lumpur: Star Publ. (M) Bhd. hal. W38
- Utusan Malaysia, (2009a, 28 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 18
- Utusan Malaysia, (2009b, 29 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 19
- Utusan Malaysia, (2009c, 30 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 17
- Utusan Malaysia, (2009d, 15 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 17
- Utusan Malaysia, (2009e, 20 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 2
- Utusan Malaysia, (2009f, 4 Ogos). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 17
- Utusan Malaysia, (2009g, 22 Julai). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 18
- Utusan Malaysia, (2008, 5 Ogos). Kuala Lumpur. Utusan Publ. Berhad, hal. 17
- Wilson, L & Toland, P. (2009). *Xinjiang: China's 'other Tibet*, english.aljazeera.net/news/asia-pacific/2008/03/2008525184819409441. html, 23 September, 2009, 7.34 malam.
- Xu, Daoxun, et. al. (1993), *The Biography of Tang Xuanzong*. Beijing: People's Press
- Xue, Z. (1992). *A History of Turks*. Beijing: Chinese Social Sciences Press.